AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 254.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,373.00 ITEM ID: MY0071549235



14 OCT, 2026

Pelajar SMK Pantai jayakan Aspire Techxperience FKI 2026

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



PESERTA: Shamsul (empat kanan), Nooralisa (dua kanan), Ismail (empat kiri) dan Soffri (tiga kanan) bergambar kenangan bersama peserta program.

Pelajar SMK Pantai jayakan Aspire Techxperience FKI 2026

LABUAN: Seramai 23 pelajar Tingkatan 3 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pantai di sini menjayakan Program ASPIRE TechXperience di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Sabtu lalu.

Program anjuran Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMSKAL itu membabitkan program ASPIRE TechXperience: Eksplorasi Teknologi, IoT dan Kreativiti Digital.

Pengarah program, Soffri Yussof berkata, sepanjang empat sesi, pelajar menempuh satu perjalanan lengkap iaitu inspirasi, idea, projek dan persembahan.

Katanya, enam kumpulan mempamerkan hasil kerja mereka menerusi Projek IoT idea dan prototaip penyelesaian IoT yang dibangunkan dalam Sesi 2 dan Poster Berimpak, poster digital yang dihasilkan dalam Sesi 3 untuk menerangkan projek mereka.

"Setiap kumpulan membentangkan projek dan poster kepada barisan juri dan pengunjung, sekali gus menguji keyakinan, kemahiran komunikasi dan semangat kerja berpasukan mereka," katanya.

Beliau berharap program itu akan melahirkan lebih ramai murid sekolah yang berminat dalam bidang STEM dan seterusnya mendorong lebih ramai pelajar memilih aliran sains.

Soffri turut mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada fasilitator yang terdiri daripada Dr. Nooralisa Mohd Tuah, Dr. Nuraini Jamil, Dr. Dinna@Nina Mohd Nizam, Ryan Macdonell Andrias dan Dr. Dg. Senandong Ajor.

"Terima kasih juga kepada U-Science UMS dan UMSKAL, pensyarah dan guru-guru atas sokongan sepanjang program

"Program mungkin telah berakhir, tetapi semoga semangat ingin tahu dan minat terhadap STEM terus menyala dalam diri adik-adik.

"Semoga kerjasama FKI UMS dan SMK Pantai terus terjalin pada masa hadapan," katanya.

Pada Pertandingan Gabungan IoT & Poster, johan menjadi milik pasukan Lego Team yang dibarisi Reuben Ronald Lamun, Muhammad Wafiuddin Mohammad Radzi dan Mohamad Danish Roslan.

Naib Johan yang dianggotai Dennis Auther, Muhammad Irsyad Altamis Ilyas dan Carlvin Thomas Yapp manakala, tempat ketiga pula diraih Dubai Cuwicuki bersama Nur Aleesya Adriana Rume, Adreana Bathreesya Rizuan Nizzam, Audric Bryan Charlie dan Muhammad Shahril Aiman Shamsul.

Majlis penutupan dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan Pengarah UMSKAL, Prof. Dr. Shamsul Bahari Shamsudin.

Beliau menyifatkan program seperti ASPIRE TechXperience perlu diteruskan bagi memupuk minat pelajar terhadap sains dan teknologi sejak di bangku sekolah lagi.

Pengetua SMK Pantai, Ismail Abdullah dalam ucapannya merakamkan ribuan terima kasih kepada FKI UMSKAL atas program yang dijalankan.

Beliau berharap kolaborasi seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Turut hadir, Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Pengantarabangsaan), Dr. Nooralisa Mohd Tuah, Penolong Kanan Pentadbiran SMK Pantai, Cikgu Wan Azmoma Wan Mohamed, Guru Penyelaras STEM Cikgu Claire Marie Kinajil dan juri penilai, Cikgu Christie Cherry Alfred.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 4 PRINTED SIZE: 254.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,373.00 ITEM ID: MY0071549235



14 OCT, 2026

Pelajar SMK Pantai jayakan Aspire Techxperience FKI 2026

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

LABUAN: Seramai 23 pelajar Tingkatan 3 Sekolah Menen gah Kebangsaan (SMK) Pantai di sini menjayakan Program ASPIRE TechXperience di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Sabtu lalu. Program anjuran Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMSKAL itu membabitkan program ASPIRE TechXperience: Eksplorasi Teknologi, IoT dan Krea tiviti Digital. Pengarah program, Soffri Yussof berkata, sepanjang empat sesi, pelajar menempuh satu perjalanan lengkap iaitu inspirasi, idea, projek dan persembahan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.